



**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA**  
*Forestry Department of Peninsular Malaysia*  
**KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**  
*Ministry Of Natural Resources & Environment*  
 JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
 50660 KUALA LUMPUR  
 MALAYSIA



Tel: 603-26164488  
 Faks: 603-26925657  
 Laman Web: <http://www.forestry.gov.my>

JH (S) 197.28.4 Jld 21 (37)  
 7 Januari 2016

Ketua Pegawai Eksekutif,  
 Malaysian Timber Certification Council,  
 Unit C-8-5, Block C,  
 Megan Avenue,  
 No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
 50450 Kuala Lumpur

Tuan,

**SEMAKAN SEMULA KRITERIA DAN PETUNJUK MALAYSIA UNTUK  
 PENSIJILAN PENGURUSAN HUTAN (HUTAN ASLI)**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tercatat di atas dan surat tuan (67) MTCC 7/1/6/3 bertarikh 13 November 2015 adalah berkaitan.

2. Sukacita bersama-sama ini dikemukakan komen mengenai Kriteria Dan Petunjuk Malaysia Untuk Pensijilan Pengurusan Hutan (Hutan Asli) dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sebagaimana Lampiran I untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"HUTAN UNTUK KESEJAHTERAAN MASYARAKAT"**  
**"JPSM BERWAWASAN"**  
**"1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**


Saya yang menurut perintah,

  
 (DATO' SRI. DR. HJ. ABD. RAHMAN BIN HJ. ABD. RAHIM)  
 Ketua Pengarah Perhutanan  
 Semenanjung Malaysia

s.k. YBhg. Dato' Sri Dr KPPSM  
 YBhg. Dato' TKP (DP)  
 YBrs. TKP (OT)  
 YBrs. PKB(PE)

*Pengarah Perhutanan Negeri*

**JPSM BERWAWASAN**  
 (Sila nyatakan rujukan Jabatan ini apabila berurusan)



## Lampiran I

## Komen Umum :

MC&I	Cadangan Penambahbaikan					
	Prinsip 1	Prinsip 2	Prinsip 3	Prinsip 4	Prinsip 6	
Prinsip	-	-	-	-	-	-
Kriteria	-	-	-	• 4.3	-	-
Petunjuk	• 1.2.1 • 1.5.2	-	-	-	• 6.10.1	
Verfier	• 1.1.1 • 1.5.1	• 2.1.1	• 3.1.3 • 3.4.1	• 4.3.1 • 4.3.2	• 6.5.1 • 6.5.3 • 6.5.4	
Jumlah	4	1	2	3	4	

## Komen Spesifik:

## PRINSIP1: PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG DAN PRINSIP-PRINSIP

Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan
Verifier 1.1.1	<p>Tambahan perkataan (Negeri Johor sahaja); (Negeri Perak sahaja); (Negeri Selangor sahaja) pada senarai verifier Undang-Undang Negeri.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Enakmen Perbadanan Taman Negara Johor 1989 (Negeri Johor sahaja)</li> <li>• Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak, 2001 (Negeri Perak sahaja)</li> <li>• Enakmen Perbadanan Taman Negeri Selangor, 2005 (Negeri Selangor sahaja)</li> </ul>	<p>Enakmen berkaitan hanya terpakai untuk negeri-negeri yang berkenaan sahaja.</p>
Petunjuk 1.2.1	<p>Padamkan – Jadual Kedua (kadar premium), Jadual Ketiga (kadar royalti), Jadual Keempat (premium dan ses hutan) dan Jadual Kelima (Kerosakan-kerosakan Berbayar)</p>	<p>Verifier ini telah diambil kira dalam Kaedah-kaedah Hutan Negeri.</p>
Verifier 1.5.1	<p>Padamkan verifier Akta Orang Asli 1954 – Seksyen 7</p>	<p>Penubuhan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di dalam (Forest Management Unit) FMU perlu mengambilkira semua Akta lain yang berkaitan. Justeru itu verifier Akta Orang Asli 1954 – Seksyen 7 perlu dipadamkan. Verifier Akta Perhutanan Negara 1984 Seksyen 7-13 sudah memadai. Sekiranya verifier Akta Orang Asli 1954 – Seksyen 7 akan dikekalkan. Verifier lain juga perlu dibuat tambahan.</p>

Petunjuk 1.5.2	Padamkan verifier Rancangan Pengurusan Hutan	Verifier ini tidak berkaitan dengan Petunjuk 1.5.2.
----------------	--	---

## PRINSIP 2: HAK PEMEGANGAN DAN PENGGUNAAN DAN TANGGUNGJAWAB

Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan
Verifier 2.1.1	<p>Tambahkan perkataan dalam FMU, sekiranya ada dalam verifier berkaitan</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod-rekod dan peta-peta kawasan simpanan Orang Asli dalam FMU, sekiranya ada</li> <li>• Rekod-rekod dan peta-peta kawasan Orang Asli dalam FMU, sekiranya ada</li> <li>• Rekod-rekod dan peta-peta kawasan tanah adat dan penempatan Orang Asli dalam FMU, sekiranya ada</li> </ul>	<p>Supaya jelas dan selaras dengan keperluan petunjuk yang merujuk kepada "FMU" yang mana definisi FMU merujuk kepada "suatu kawasan hutan tertentu yang diurus untuk mencapai pelbagai objektif yang ditetapkan dan berdasarkan kepada rancangan pengurusan hutan jangka panjang". Dalam hubung Semenanjung Malaysia, FMU merujuk kepada kawasan HSK. Sehubungan itu, segala dokumen/rekod yang diperlukan di dalam verifier hendaklah bagi kawasan berkaitan Orang Asli yang berada di dalam kawasan HSK sahaja dan tidak termasuk kawasan di luar HSK.</p> <p>Pihak FMU tidak mempunyai maklumat terperinci berkaitan orang asli di dalam HSK. Justeru itu, segala keperluan adalah bergantung sepenuhnya kepada maklumat yang dikemukakan oleh agensi yang berkaitan.</p>

**PRINSIP 3: HAK-HAK MASYARAKAT PRIBUMI**

Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaam/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaam/ Padam/ Tambahan
<p><b>Verifier 3.1.3</b></p>	<p>Padamkan perkataan outcomes daripada verifier</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod-rekod rundingan secara terus atau timbang tara berkenaan hak mengikut undang-undang dan pemegangan adat di dalam FMU, sekiranya ada.</li> </ul>	<p>Perkataan outcomes adalah terlalu spesifik dan memadai dengan rekod-rekod proses rundingan.</p>
<p><b>Verifier 3.4.1</b></p>	<p>Tambahan perkataan sekiranya ada dalam verifier berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod-rekod rundingan bersama Rezab Orang Asli, sekiranya ada</li> </ul>	<p>Untuk memberi kelonggaran kepada FMU bagi menangani perkara-perkara yang terkini.</p> <p>Kenyataan mengenai sekiranya ada juga terdapat di dalam petunjuk 3.4.1</p>

## PRINSIP 4: PERHUEUNGAN MASYARAKAT DAN HAK-HAK PEKERJA

Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan
Kriteria 4.3	Padamkan perkataan Convention 87 daripada pernyataan Kriteria, Petunjuk dan Verifier.	Convention 87 Malaysia tidak ratify.
Verifier 4.3.1	<p>Tambahkan pernyataan Rekod atau minit mesyuarat pihak persatuan pekerja dalam senarai verifier.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Rekod atau minit mesyuarat pihak persatuan pekerja</li> </ul>	Dokumen sokongan daripada pihak pekerja.
Verifier 4.3.2	Padamkan pernyataan ILO Convention No. 111 – Discrimination (Employment and Occupation) Convention, 1958 – The Right to Equal Treatment – Articles 1-5 daripada senarai verifier.	ILO Convention No.111 Malaysia tidak ratify.

PRINSIP 6: IMPAK ALAM SEKITAR  
PRINCIPLE 6: ENVIRONMENTAL IMPACT

Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan
Verifier 6.5.1, 6.5.3, 6.5.4	Tambahkan perkataan (Pindaan 2013) bagi verifier Garis Panduan Jalan Hutan, 2010 dalam senarai Verifier.  <ul style="list-style-type: none"> <li>• Garis Panduan Jalan Hutan, 2010 (Pindaan 2013)</li> </ul>	Penggunaan garis panduan yang baru dibuat penambahbaikan.



Prinsip/ Kriteria/ Petunjuk/ Verifier	Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan	Alasan Dikemukakan Cadangan Pindaan/ Padam/ Tambahan
Petunjuk 6.10.1	<p>Pindaan pernyataan Bahagian yang terhad:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ tidak lebih daripada 2.5% jumlah kawasan FMU pada 3 tahun yang pertama;</li> <li>◦ tidak lebih daripada 1.5% untuk 2 tahun yang berikutnya; dan</li> <li>◦ tidak lebih daripada 1% untuk 2 tahun yang seterusnya</li> </ul> <p>dalam pernyataan Petunjuk.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>◦ Peratusan penukaran kawasan hutan di dalam FMU untuk tujuan pembangunan ladang hutan atau bukan tujuan perhutanan adalah 5% daripada kawasan FMU.</li> </ul>	<p>Zon-zon penubuhan ladang hutan dalam HSK yang telah dikenalpasti oleh Jabatan-Jabatan Perhutanan Negeri seluas 439,189 hektar selaras dengan keputusan Majlis Tanah Negara (MTN) Ke-68 Tahun 2012 iaitu tidak melebihi 5% daripada jumlah keluasan hutan asli dalam HSK bagi tempoh 7 tahun.</p> <p>Penukaran kawasan hutan asli kepada ladang hutan akan membawa faedah-faedah ekonomi dan sosial yang ketara kepada Kerajaan Negeri.</p> <p>Bahagian yang terhad mengikut peratusan penukaran 2.5% bagi 3 tahun pertama, 1.5% bagi 2 tahun berikutnya dan 1% bagi 2 tahun seterusnya, menyebabkan pihak negeri sukar untuk merancang dan membangunkan ladang hutan secara fleksibel dan mengikut kapasiti negeri kerana terikat dengan peratusan yang ditetapkan secara <i>rigid</i> mengikut peratusan tahun.</p> <p>Dengan ini dicadangkan pindaan bagi membolehkan pihak negeri merancang dan membangunkan ladang hutan secara fleksibel mengikut kesesuaian dan kapasiti di negeri sehingga mencapai keluasan 5% atau tidak melebihi 5% daripada kawasan FMU tanpa terikat kepada sesuatu tempoh dengan peratusan yang ditetapkan mengikut kriteria dalam dokumen ini.</p>